


# Buletin Edisi 2/2012

# Jaluma

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



LB  
2326.3  
.B85

23 wakil IPTA sertai AGOP 2012



Hari Terbuka Pejabat Pendaftar UTHM



Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Peringkat IPTA kali ke-8



## Dari UM ke Beijing : Advanced Program For The Senior Executives 2012

Universiti Malaya dengan kerjasama *National Academy of Education Administration (NAEA) Beijing, China* telah mengadakan *Advanced Program for the Senior Executives di National Academy of Education Administration (NAEA) Beijing, China* pada 6-13 Mei 2012.

Ia merupakan penganjuran kali ketiga bagi kedua-dua institusi ini, pada kali ini delegasi Universiti Malaya disertai oleh Dekan, Pengarah, Ketua serta Pegawai Kanan dari pelbagai Pusat Tanggungjawab Akademik dan Bukan Akademik. Penganjuran program ini memberi peluang kepada barisan kepimpinan Universiti bertukar idea dan pendapat, di samping perkongsian amalan terbaik mengenai selok-belok pentadbiran institusi pendidikan masing-masing. Malahan para peserta diberi peluang membincangkan isu-isu berkaitan institusi pendidikan masa kini bagi mencari langkah dalam menangani isu berkenaan demi memantapkan pengurusan Universiti.

Adalah diharapkan dengan hubungan baik yang terjalin antara kedua-dua institusi boleh dimanfaatkan secara bersama, sama ada dalam bidang akademik mahupun penyelidikan melalui pertukaran kepakaran dan sebagainya.



## Program Wacana Minda: Pemantapan Profesionalisme Setiausaha dan Pembantu Setiausaha Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Program Wacana Minda : Pemantapan Profesionalisme Setiausaha Pejabat dan Pembantu Setiausaha UTeM telah dilaksanakan pada 1 Mac 2012 bertempat di Dewan Auditorium Canselor.

Program anjuran Persatuan Setiausaha UTeM (SATU) yang bermula pada jam 2.00 hingga 5.00 petang. Tujuan program adalah untuk membantu Setiausaha dan Pembantu Setiausaha di Universiti Teknikal Malaysia Melaka memahami lebih jelas peranan mereka dalam mentransformasikan matlamat Universiti dan membuka minda serta memperjelaskan lagi tanggungjawab Setiausaha Pejabat dalam membantu mencapai matlamat Universiti.

Pendaftar UTeM, Encik Hasan bin Sirun dalam ucapannya kepada 55 orang peserta menyatakan tentang pentingnya kefahaman dan peningkatan profesionalisme dalam melaksanakan tugas sebagai Setiausaha Pejabat. Beliau juga menyatakan program Wacana Minda ini boleh dijadikan medan atau wadah ilmu untuk semua setiausaha berinteraksi secara efektif sebagai usaha bersama meningkatkan tahap intelektual, dedikasi dan kreativiti mereka dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan sepanjang dalam perkhidmatan.

Encik Hasan Sirun selaku penaung SATU telah mengambil peluang dan kesempatan diakhir program beramah mesra dengan semua ahli bagi mengeratkan silaturrahim. Program ini diharapkan akan menjadi titik tolak kepada pihak pengurusan untuk menjadikan Setiausaha dan Pembantu Setiausaha sebagai entiti yang penting dalam membantu mencapai misi dan visi Universiti.

